



**KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA
(JDN)**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBRS. TS. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR
KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA**

BAGI PROGRAM

**SEMINAR JAMINAN KUALITI SISTEM APLIKASI 2024
JABATAN DIGITAL NEGARA**

**TARIKH: 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)
LOKASI: HEAD OF STATE, PICC**

Sirih berlipat sirih pinang
Sirih dari Pulau Mutiara
Pemanis kata selamat datang
Awal Bismillah pembuka bicara

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang Berusaha Ts. Dr. / Tuan / Puan

Ketua-Ketua Perunding ICT

Pengarah-Pengarah Bahagian

Penceramah-penceramah jemputan dan semua peserta yang saya kasihi sekalian

Pembuka Ucapan

1. Pertama sekali, marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, kita dapat berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini dalam **Seminar Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi 2024, Jabatan Digital Negara**. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua peserta di atas kerjasama melapangkan masa untuk hadir menjayakan sesi ini.

2. Tahniah diucapkan kepada para peserta yang terpilih menghadiri Seminar ini. Saya dimaklumkan bahawa seminar kali ini dihadiri oleh **200 orang personel** yang terdiri daripada **139 orang peserta** dari **Kementerian** dan **jabatan**, pegawai-pegawai Jabatan Digital Negara, urusetia dan pempamer.

Objektif Penganjuran Seminar Jaminan Kualiti

3. Seminar Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi ini diadakan secara tahunan sebagai salah satu usaha untuk mendedahkan peserta dengan pengetahuan serta pemahaman berkenaan kepentingan jaminan kualiti

sistem aplikasi bagi menghasilkan produk yang berkualiti, cekap dan efisien serta memenuhi ekspektasi pengguna.

4. Sebagaimana yang kita semua maklum, Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi (SQA) adalah **proses yang menjamin** bahawa sistem aplikasi yang dibangunkan memenuhi dan mematuhi kualiti dan amalan terbaik yang ditetapkan serta mematuhi standard piawaian antarabangsa.

5. Selain itu, seminar ini juga merupakan **satu platform mempelajari teknologi-teknologi terkini** dalam bidang pengujian sistem aplikasi.

Langkah-langkah Memastikan Jaminan Kualiti Bagi Sistem Aplikasi Sektor Awam Berada Pada Tahap Terbaik

Yang Berusaha Ts. Dr. / Tuan / Puan,

Di era digital ini, memastikan aplikasi kita berfungsi dengan cekap, selamat, dan memenuhi keperluan pengguna adalah suatu keutamaan. Langkah-langkah utama dalam memastikan jaminan kualiti bagi sistem aplikasi sektor awam berada pada tahap terbaik perlu diambil dari masa ke semasa.

Pertama sekali, kita perlu bermula dengan perancangan dan reka bentuk yang teliti. Perancangan yang mendalam bermula dengan mengenal pasti semua keperluan pengguna serta memahami spesifikasi keselamatan dan perundangan yang perlu dipatuhi. Dengan dokumentasi yang lengkap pada setiap tahap pembangunan, kita dapat memastikan rekod dan rujukan yang kukuh bagi memantau kualiti aplikasi pada setiap masa.

Kedua, laksanakan proses jaminan kualiti yang berstruktur. Ini termasuk pelbagai jenis pengujian yang menyeluruh seperti ujian fungsian, ujian keselamatan dan ujian prestasi. Pengujian penerimaan pengguna juga penting kerana kita ingin pastikan sistem ini benar-benar memenuhi keperluan pengguna sebenar kita.

Ketiga, kita perlu mengoptimumkan penggunaan automasi dalam pengujian. Automasi pengujian mempercepatkan proses dan mengurangkan kesilapan manual. Melalui automasi, ujian boleh dijalankan secara berterusan semasa pembangunan, termasuk ujian regresi setiap kali terdapat perubahan dalam kod atau penambahan ciri baharu.

Seterusnya, kita perlu memberi tumpuan kepada pengurusan perubahan dan kemaskini yang berterusan. Sistem aplikasi perlu diselenggara dan dipantau secara berkala. Kita mesti pastikan semua perubahan dikawal, direkodkan, dan diuji sebelum pelaksanaannya. Apa-apa pepijat yang ditemui juga perlu diselesaikan dengan segera, terutama jika ia boleh memberi impak besar kepada kualiti atau keselamatan.

Di samping itu, pemantauan prestasi dan audit berkala adalah kritikal. Pemantauan prestasi secara masa nyata membantu kita mengenal pasti dan menyelesaikan isu dengan segera. Audit kualiti pula memberi gambaran yang menyeluruh mengenai kekuatan dan kelemahan sistem. Menjemput pakar luar juga boleh memberikan pandangan objektif yang bermanfaat.

Untuk memastikan kakitangan yang terlibat mampu melaksanakan tugas dengan baik, latihan dan pembangunan kompetensi perlu disediakan. Dengan memastikan semua pembangun dan pengguna berkemahiran

tinggi, kita dapat mengurangkan risiko kesilapan dan memastikan sistem digunakan secara optimum.

Akhir sekali, penglibatan pengguna dan maklum balas berterusan amat penting. Kita perlu membuka saluran agar pengguna boleh memberi maklum balas dan melaporkan isu dengan mudah. Mengadakan kaji selidik pengalaman pengguna dari semasa ke semasa juga boleh membantu kita mengenal pasti ruang penambahbaikan bagi memastikan kepuasan pengguna.

Pelaksanaan Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi Di Sektor Awam

Yang Berusaha Ts. Dr. / Tuan / Puan,

6. Jabatan Digital Negara telah memberi tumpuan kepada inisiatif-inisiatif yang dapat **meningkatkan kualiti**, kecekapan, keberkesanan dan keutuhan penyampaian perkhidmatan awam kepada pengguna. Kesemua inisiatif ini meliputi bidang pembudayaan kualiti, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan hubungan kerjasama serta perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta. Usaha-usaha ini adalah perlu bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam memenuhi dan meningkatkan tahap kepuasan pengguna.

7. Seminar ini juga diadakan dalam usaha untuk **memberikan pendedahan** kepada pegawai-pegawai di agensi sektor awam mengenai inisiatif-inisiatif Jabatan Digital Negara berkaitan jaminan kualiti dalam perkhidmatan digital yang disediakan.

8. Selain itu, seminar ini juga merupakan **satu platform mempelajari teknologi-teknologi terkini** dalam bidang pengujian sistem aplikasi.

Pembangunan Modal Insan dan Perluasan Pelaksanaan Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi Sektor Awam

Yang Berusaha Ts. Dr. / Tuan / Puan,

9. Pembangunan bakat digital adalah kunci kepada kejayaan kita. Oleh itu, jabatan ini akan terus memberi penekanan kepada latihan dan pembangunan kemahiran, termasuk dalam teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI), analisis data besar (Big Data), dan keselamatan siber. Melalui agenda reformasi ini, kita akan memperkenalkan program latihan berkala dan memperluas peluang pembelajaran kepada semua pegawai.

10. Seminar ini juga merupakan **satu platform mempelajari teknologi-teknologi terkini** dalam bidang pengujian sistem aplikasi.

11. Bagi membudayakan amalan kualiti ini dalam pembangunan sistem aplikasi sektor awam, **mulai pada tahun 2018** Jabatan Digital Negara telah melaksanakan program pembangunan kepakaran pembangunan sistem kepada personel ICT sektor awam melalui penganjuran bootcamp, seminar dan bengkel secara dalaman. Sehingga **November 2024**, seramai **1,513 orang** Pegawai Teknologi Maklumat telah mengikuti program pembangunan kepakaran seperti

bootcamp pengujian prestasi sistem aplikasi, bootcamp KRISA dan bootcamp penganggaran saiz dan kos pembangunan sistem (FPA).

Penutup

Yang Berusaha Ts. Dr. / Tuan / Puan,

12. Saya berharap agar hasrat dan objektif seminar ini tercapai dan semua peserta akan memperoleh ilmu yang bermanfaat serta pemahaman yang mendalam berhubung jaminan kualiti sistem aplikasi dan menjadi amalan semasa pembangunan sistem aplikasi. Menanamkan prinsip dan amalan kualiti berdasarkan piawaian antarabangsa dalam pembangunan sistem sudah pasti akan mewujudkan sistem aplikasi yang berkualiti dan meningkatkan keyakinan pengguna.

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat kerana komited menjayakan pelaksanaan Seminar Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi 2024 dan meluangkan masa untuk menghadiri seminar ini bagi menimba ilmu berhubung keperluan membudayakan kualiti dalam pelaksanaan projek ICT sektor awam.

16. Dengan lafaz bismillah, **saya merasmikan Seminar Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi Sektor Awam 2024, Jabatan Digital Negara.**

17. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan Oleh:
Bahagian Perundingan Digital, JDN
11 November 2024